

D.R. 54/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Amanah Labuan 1996.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Amanah Labuan (Pindaan) 2024.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Amanah Labuan 1996 [*Akta 554*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “pemastautin”, dengan menggantikan perkataan “menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*]” dengan perkataan “menurut perenggan 214(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] dan perenggan 225(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]”; dan

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “pemastautin” takrif yang berikut:

‘ “pemunya benefisial” ertinya orang sebenar yang mengawal atau mendapat faedah secara langsung atau tidak langsung daripada harta atau aset amanah Labuan, dan termasuklah orang yang mempunyai kawalan dan pengaruh berkesan dalam amanah Labuan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga;’.

Pindaan seksyen 7

3. Akta ibu dipinda dalam seksyen 7—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “apa-apa harta Malaysia” dengan perkataan “apa-apa harta yang terletak di Malaysia”; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (5), (6) dan (7).

Pindaan seksyen 14

4. Akta ibu dipinda dalam seksyen 14—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan memotong perkataan “dan hendaklah menjadi alamat bagi penyampaian apa-apa dokumen kepada amanah itu”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi maksud Akta ini, apa-apa dokumen yang disampaikan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada suatu amanah Labuan jika dokumen itu—

- (a) ditinggalkan pada, atau dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar ke alamat terakhir pejabat berdaftar amanah Labuan itu yang diketahui; atau

- (b) disampaikan melalui cara elektronik ke alamat atau nombor yang diberikan oleh amanah Labuan atau pemegang amanah Labuan itu.”.

Bahagian baharu IIa

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IIa

PEMUNYAAN BENEFISIAL

Daftar pemunya benefisial amanah Labuan

21A. (1) Seseorang pemegang amanah hendaklah menyimpan suatu daftar pemunya benefisial bagi amanah Labuan dan merekodkan dalam daftar itu—

- (a) nama penuh, alamat, kewarganegaraan, pengenalan dan tempat kediaman biasa orang yang merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu;
- (b) tarikh orang itu menjadi seorang pemunya benefisial amanah Labuan itu;
- (c) tarikh orang itu terhenti daripada menjadi pemunya benefisial amanah Labuan itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Daftar pemunya benefisial amanah Labuan hendaklah disimpan di pejabat berdaftar amanah Labuan itu.

(3) Seseorang pemegang amanah hendaklah menyerahkan kepada Lembaga suatu notis tentang apa-apa perubahan kepada butir-butir dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu.

(4) Apa-apa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) hendaklah diserahkan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu direkodkan dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu.

(5) Seseorang pemegang amanah hendaklah menyimpan maklumat orang sebenar yang telah direkodkan dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu sebagai pemunya benefisial tetapi kemudiannya terhenti menjadi pemunya benefisial amanah Labuan itu selama enam tahun dari tarikh orang sebenar itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(6) Suatu catatan yang berhubungan dengan orang sebenar yang terhenti menjadi pemunya benefisial amanah Labuan di bawah subseksyen (5) hendaklah dikeluarkan daripada daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu selepas tamat tempoh enam tahun dari tarikh orang sebenar itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(7) Mana-mana pemegang amanah yang mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan atau tidak tepat kepada Lembaga di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Penalti: Denda tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(8) Lembaga hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang perlu disimpan di bawah subseksyen (1) dan diserahkan di bawah subseksyen (3).

(9) Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan pemegang amanah suatu amanah Labuan untuk menyerahkan kepada Lembaga dalam suatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis, maklumat berhubungan dengan pemunya benefisial yang disimpan oleh pemegang amanah itu.

(10) Daftar pemunya benefisial amanah Labuan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar di bawah Akta ini.

(11) Lembaga boleh, berhubung dengan akses kepada daftar pemunya benefisial amanah Labuan yang disimpan di pejabat berdaftar amanah Labuan itu atau maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan kepada Lembaga, menentukan—

- (a) mana-mana orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial amanah Labuan atau maklumat pemunyaan benefisial;
- (b) cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar pemunya benefisial amanah Labuan atau maklumat pemunyaan benefisial; dan
- (c) fi bagi pembekalan maklumat pemunyaan benefisial.

(12) Seksyen 8A, subseksyen 15(3) dan subseksyen 41(4) Akta tidak terpakai jika penzahiran atau akses telah ditentukan oleh Lembaga menurut subseksyen (11).

(13) Mana-mana pemegang amanah yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (1), (2), (3), (4), (5), (6) atau (9) melakukan suatu kesalahan dan Lembaga boleh mengenakan penalti pentadbiran mengikut seksyen 36G Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996.

Kuasa pemegang amanah untuk menghendaki penzahiran maklumat pemunyaan benefisial

21B. (1) Pemegang amanah hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana pembuat amanah, pelindung, pemegang amanah, penguat kuasa atau benefisiari suatu amanah Labuan itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk memaklumkan pemegang amanah itu sama ada pembuat amanah, pelindung, pemegang amanah, penguat kuasa atau benefisiari amanah Labuan itu merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu atau jika pembuat amanah, pelindung, pemegang amanah, penguat kuasa atau benefisiari amanah Labuan itu bukan pemunya benefisial amanah Labuan itu, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang itu dengan nama dan dengan butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti sebagai pemunya benefisial amanah Labuan itu; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 21A(1).

(2) Jika pemegang amanah mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu, pemegang amanah itu hendaklah melalui notis secara bertulis, menghendaki orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada dia merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu atau jika dia bukan pemunya benefisial amanah Labuan itu, untuk menyatakan sama ada dia mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir mengenai orang itu yang dalam pengetahuannya; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 21A(1).

(3) Jika pemegang amanah mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana pembuat amanah, pelindung, pemegang amanah, penguat kuasa atau benefisiari suatu amanah Labuan atau mana-mana orang mengetahui identiti orang yang merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu, pemegang amanah itu hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki pembuat amanah, pelindung, pemegang amanah, penguat kuasa atau benefisiari amanah Labuan itu atau orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada dia mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain itu merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir orang itu yang dalam pengetahuannya; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 21A(1).

(4) Apabila pemegang amanah menerima maklumat daripada orang yang kepadanya notis itu diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), pemegang amanah suatu amanah Labuan itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh maklumat itu diterima, merekodkan dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu—

- (a) tarikh notis yang menghendaki maklumat itu telah dikeluarkan; dan

- (b) butir-butir maklumat yang diterima daripada orang itu.

(5) Jika pemegang amanah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perubahan telah berlaku terhadap butir-butir pemunya benefisial amanah Labuan yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu, pemegang amanah itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial amanah Labuan itu—

- (a) untuk mengesahkan sama ada atau tidak perubahan itu telah berlaku; dan

- (b) jika perubahan itu telah berlaku—

- (i) untuk menyatakan tarikh perubahan itu; dan

- (ii) untuk memberikan butir-butir mengenai perubahan itu.

(6) Jika pemegang amanah mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa butir-butir pemunya benefisial amanah Labuan yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan mungkin tidak betul, pemegang amanah itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial amanah Labuan itu untuk mengesahkan sama ada butir-butir itu adalah betul, dan jika tidak, untuk memberikan butir-butir yang betul.

(7) Seseorang pemegang amanah hendaklah memastikan bahawa amanah Labuan itu mematuhi obligasi di bawah seksyen ini.

(8) Mana-mana pemegang amanah yang tidak mematuhi kehendak seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan pemunya benefisial amanah Labuan untuk memberikan maklumat

21c. (1) Seseorang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia merupakan pemunya benefisial suatu amanah Labuan hendaklah, dalam masa tiga puluh hari—

(a) memberitahu pemegang amanah bahawa dia merupakan pemunya benefisial amanah Labuan itu; dan

(b) memberikan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang yang merupakan pemunya benefisial amanah Labuan hendaklah, dalam masa tiga puluh hari, memberitahu pemegang amanah mengenai apa-apa perubahan butir-butirnya dalam daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi pemunya benefisial amanah Labuan hendaklah memberitahu pemegang amanah, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai perubahan itu dengan menyatakan—

(a) tarikh pemberhentian itu berlaku; dan

(b) butir-butir pemberhentian itu.

(4) Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Obligasi pemegang amanah untuk menyenggara dan menyimpan maklumat yang kemas kini

21D. (1) Seseorang pemegang amanah hendaklah menyenggara dan menyimpan butir-butir pemunyaan benefisial dalam daftar pemunya benefisial di bawah seksyen 21A yang dikemas kini dari semasa ke semasa.

(2) Seseorang pemegang amanah hendaklah memastikan suatu amanah Labuan mematuhi obligasi di bawah seksyen ini.

(3) Mana-mana pemegang amanah yang tidak mematuhi seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Kuasa Lembaga untuk menjalankan pemeriksaan terhadap daftar pemunya benefisial amanah Labuan

21E. Lembaga boleh menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28c Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*] terhadap daftar pemunya benefisial yang disimpan oleh pemegang amanah bagi suatu amanah Labuan di bawah Bahagian ini.”.

Pindaan seksyen 54

6. Subseksyen 54(2) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Amanah Labuan 1996 (“Akta 554”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan baharu ke dalam Akta 554 yang berhubungan dengan rangka kerja pelaporan dan penzahiran maklumat pemunyaan benefisial.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas bagi Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda takrif “pemastautin” dan memasukkan takrif baharu “pemunya benefisial”.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 554 untuk memotong peruntukan yang berkenaan dengan layanan cukai atas apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada harta amanah untuk menikmati kadar cukai yang diperuntukkan di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*]. Pindaan ini adalah selaras dengan kehendak piawaian percukaian antarabangsa yang melarang amalan cukai yang memudaratkan.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 14 Akta 554 untuk mengadakan peruntukan bagi penyampaian dokumen kepada suatu amanah Labuan sama ada melalui pos atau cara elektronik.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IIA ke dalam Akta 554 yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial suatu amanah Labuan.

Seksyen 21A yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan obligasi menyimpan daftar pemunya benefisial bagi suatu amanah Labuan dan menyerahkan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan dengan Lembaga. Lembaga boleh mengarahkan pemegang amanah suatu amanah Labuan untuk memberikan maklumat berhubung dengan pemunyaan benefisial yang disimpan oleh pemegang amanah suatu amanah Labuan. Hanya orang yang ditentukan oleh Lembaga boleh mengakses daftar pemunya benefisial amanah Labuan dan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan.

Seksyen 21B yang dicadangkan bertujuan untuk memberi pemegang amanah Labuan kuasa untuk menghendaki penzahiran maklumat pemunyaan benefisial amanah Labuan. Pindaan yang dicadangkan ini membolehkan pemegang amanah Labuan mendapatkan maklumat pemunyaan benefisial atau mengesahkan ketepatan maklumat itu daripada mana-mana orang yang pemegang amanah amanah Labuan itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk dipercayai sebagai pemunya benefisial amanah Labuan itu.

Seksyen 21C yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kewajipan pemunya benefisial amanah Labuan. Dengan pindaan ini, pemunya benefisial amanah Labuan mempunyai kewajipan untuk memberitahu pemegang amanah suatu amanah Labuan apabila dia menjadi pemunya benefisial amanah Labuan dan hendaklah memberitahu pemegang amanah suatu amanah Labuan jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat pemunyaan benefisial amanah Labuan.

Seksyen 21D yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemegang amanah suatu amanah Labuan hendaklah menyenggara dan mengemas kini dari semasa ke semasa daftar pemunya benefisial. Seksyen 21D yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pemegang amanah suatu amanah Labuan hendaklah memastikan pematuhan terhadap seksyen yang dicadangkan.

Seksyen 21E yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kuasa kepada Lembaga untuk menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28C Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*] ke atas daftar pemunya benefisial amanah Labuan itu.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 54 Akta 554 untuk menaikkan jumlah maksimum penalti am daripada sepuluh ribu ringgit kepada lima puluh ribu ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3355]